

# Program Team Building KKKU1B pupuk semangat kerjasama

KB 20.12.2018 B2

KOTA KINABALU : Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas), Kolej Kediaman Usia 1 Borneo (KKU1B), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Program Team Building KKKU1B pada 1 hingga 2 Disember 2018 lalu bertempat di Polumpung Melangkap View Site Camp, Daerah Kota Belud.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memupuk semangat

kerjasama dalam kalangan Jakmas dan pengurusan KKKU1B.

Pengarah Program Team Building ini adalah Norafe Maximo Javinez, Exco Publisiti dan Perhubungan Awam, Jakmas.

Beberapa aktiviti diadakan sebagai pengisian program berkenaan iaitu, *Save Me From Crocodile*, *Communication & Negotiation Skill*, *Team Effectiveness*, *Bonfire* dan, *River Pool*.



SESI aktiviti dalam kumpulan Program Team Building KKKU1B.

Program seperti ini dapat mengeratkan lagi silaturahim di kalangan pengurusan KKKU1B dan juga Jakmas KKKU1B disamping membantu meningkatkan lagi mutu pengurusan kolej yang lebih efektif dan teratur.

Kerjasama dan kepercayaan dalam kalangan Jakmas sangat penting untuk menjayakan sesuatu program atau aktiviti dan juga komunikasi yang berkesan memainkan peranan

penting dalam mencapai objektif.

Turut hadir dalam program itu Norhanieyati Norhaizat, Ketua Bahagian Kebajikan dan Kewangan Pelajar, merangkap Timbalan Pengetua, KKKU1B, felo-felo dan Jakmas KKKU1B.

Norhanieyati Norhaizat berharap program ini akan dilaksanakan lagi pada masa akan datang bagi meneruskan kualiti pengurusan KKKU1B.



PARA peserta bergambar di Polumpung Melangkap View Site Camp bersama Norhanieyati.